

# Pemberian bantuan khas kewangan pengiktirafan kepada penjawat awam

⌚ 2021-10-13T12:35:34+08:00



OMAR

KUCHING: Bantuan khas kewangan untuk penjawat awam negeri dan persekutuan di Sarawak dalam Belanjawan Negeri 2022 membuktikan kerajaan negeri Sarawak mengiktiraf dan menghargai sumbangan kumpulan berkenaan.

Pengerusi Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di Dalam Perkhidmatan Amam (CUEPACS) Sarawak Omar Bahrein Unin berkata pemberian bantuan khas itu sudah pastinya sedikit sebanyak mengurangkan beban penjawat awam pada masa pandemik sejak awal tahun lalu.

“CUEPACS Negeri Sarawak mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada kerajaan negeri atas pertimbangan memberi Bantuan Khas Kewangan sebulan setengah gaji kepada Penjawat awam Negeri Sarawak, dan RM500 kepada penjawat awam pesekutuan seperti yang diumumkan.

“Ini kami anggap sebagai satu pengiktirafan kepada khidmat penjawat awam yang setia bekerja dengan kerajaan.

“Dalam keadaan ekonomi yang sukar ketika ini, kerajaan masih dapat menghargai penjawat awam,” katanya kepada Utusan Borneo hari ini.

Sehubungan itu beliau menyarankan penjawat awam terus bersemangat dan dapat memberikan mutu perkhidmatan yang lebih baik serta kualiti kerja mantap pada masa akan datang dan seterusnya.

Dengan ini penjawat awam disaran terus bersemangat dan dapat memberi mutu penyampaian perkhidmatan dengan baik dan kualiti kerja yang mantap pada masa akan datang dan berterusan.



ZULKIFLEE

Sementara itu, Presiden Kesatuan Guru Bumiputera Sarawak (KGBS) Zulkiflee Sebli berkata pemberian bantuan khas itu membuktikan kerjasama erat antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri.

“Sebagai penjawat awam persekutuan, kita sepatutnya bersyukur atas bantuan ini memandangkan penjawat awam persekutuan yang bertugas di Sarawak melebihi 120,000.

“Perbelanjaan kerajaan negeri untuk bayaran bantuan ini melebihi bayaran sebulan setengah gaji kepada penjawat awam negeri.

“Kita sedar bahawa bayaran bantuan ini merupakan bayaran kali kedua diberi oleh kerajaan negeri selepas bayaran pertama pada tahun 2020,” katanya sambil berharap kerajaan negeri akan terus memberi pengiktirafan seumpama itu.

Menurutnya penjawat awam persekutuan yang berkhidmat di negeri ini terdiri daripada petugas barisan hadapan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), doktor, jururawat termasuk guru yang bertugas semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hingga kini.

“KGBS sangat berterima kasih atas perjuangan CUEPACS Negeri Sarawak yang pertama mengusulkan pemberian bantuan ini di bawah kepimpinan mantan Pengerusi CUEPACS Negeri, Ahmad Malie yang juga mantan Presiden KGBS kita.

“Perjuangan CUEPACS Negeri Sarawak (CNS) diteruskan dengan permintaan bantuan pada tahun ini daripada kepimpinan baharu CNS yang diterajui oleh Haji Omar Bahrein Unin.

“KGBS berharap dengan adanya bantuan dan bonus ini dapat memberi semangat kepada semua penjawat awam agar terus bekerja lebih kuat memantapkan lagi ekonomi negeri,” ujarnya.